

Lawatan Akademik Pelajar Bioteknologi Ke Makmal Diagnosis Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, Kota Kinabalu _____

Artikel oleh: Hartinie Marbawi

Pada 27 November 2012, seramai 37 orang pelajar tahun akhir Program Bioteknologi diiringi oleh Cik Hartinie Marbawi telah mengadakan lawatan akademik ke Makmal Diagnosis Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (JPHPT), Kota Kinabalu. Objektif lawatan ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada aplikasi virologi dalam bidang penternakan haiwan sekaligus melengkapkan pembelajaran secara teori bagi kursus SY30503 Virologi yang sedang diikuti pelajar pada semester tersebut. Para pelajar diberikan taklimat ringkas sebagai pengenalan kepada fungsi jabatan oleh Dr. Hajjah Normah Yusop, Penolong Pengarah Bahagian Makmal Diagnosa Veterinar, JPHPT Kota Kota Kinabalu. Sepanjang lawatan, para pelajar turut berpeluang melawat beberapa makmal seperti makmal Virologi, Bakteriologi, Patologi dan Epidemiologi serta diberikan penerangan ringkas berkaitan fungsi serta prosedur tertentu yang dijalankan di makmal-makmal tersebut. Melalui lawatan ini para pelajar dapat melihat bagaimana pengetahuan dalam bidang virologi dapat menyumbang kepada kemajuan dalam bidang kesihatan ternakan khususnya di Sabah. Lawatan berakhir dengan jamuan ringan, sesi foto dan penyampaian cenderahati sekitar pukul 5.00 petang.



Gambar kenangan di hadapan Makmal Diagnosis dan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Kota Kinabalu.



Cik Hartinie Marbawi menyampaikan cenderahati kepada Dr. Nieccorita Wong, Pegawai Veterinar JPHPT Kota Kinabalu.